

**SOALAN LAZIM**  
**BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI (BKKA) TAHUN 2023**

**A. PENJAWAT AWAM**

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pelaksanaan</b>		
1.	Siapakah penjawat awam yang layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2023?	<p>BKKA Tahun 2023 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Gred 56<sup>1</sup> dan ke bawah yang dilantik secara tetap, sementara dan <i>Contract of Service</i><sup>2</sup> dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat pada 17 April 2023.</p> <p>Turut layak diberi kepada pegawai yang bercuti bergaji penuh, pegawai yang bercuti separuh gaji, pegawai yang bercuti tanpa gaji dan pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.</p> <p>Pemberian BKKA Tahun 2023 turut dipanjangkan kepada guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya serta pemandu yang dilantik sendiri oleh Anggota Pentadbiran serta Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman.</p> <p>BKKA Tahun 2023 juga dibayar kepada pegawai lantikan MySTEP dengan syarat telah dilantik sebelum 17 April 2023 dan masih berkhidmat pada 17 April 2023.</p>
<b>Pegawai Lantikan Baharu</b>		
2.	Adakah pegawai yang dilantik pada 3 April 2023 layak menerima BKKA Tahun 2023?	Pegawai yang telah dilantik tetap dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 <b>layak</b> menerima BKKA Tahun 2023.

<sup>1</sup> Pegawai di Gred 56 atau setara. Tidak termasuk pegawai yang sedang memangku di Gred Jawatan Utama/ Khas.

<sup>2</sup> Bagi pegawai di bawah *Contract for Service*, surat edaran berasingan akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pegawai Bercuti Separuh Gaji/Tanpa Gaji</b>		
3.	Adakah pegawai yang bercuti separuh gaji/tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023 layak menerima BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>Layak</b> .
<b>Pegawai Peminjaman</b>		
4.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke Gred Utama/Khas layak menerima BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>tidak layak</b> kerana pegawai telah menikmati elaun dan kemudahan atas Gred Jawatan Utama/Khas sama seperti pegawai memangku.
<b>Pegawai <i>Contract of Service</i></b>		
5.	Adakah seorang pegawai lantikan <i>Contract of Service</i> (COS) layak diberi BKKA Tahun 2023 sekiranya beliau berkhidmat mulai 1 Oktober 2021 hingga 1 April 2023 dan tidak lagi berkhidmat selepas tarikh tamat kontrak tersebut?	Pegawai <b>tidak layak</b> kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 April 2023.
6.	Adakah seorang pegawai COS yang dilantik pada 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>layak</b> dengan syarat masih berada dalam perkhidmatan pada 17 April 2023.
<b>Pegawai Lantikan MySTEP</b>		
7.	Adakah pegawai lantikan MySTEP yang dilantik bermula pada 1 Januari 2023 dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Personel MySTEP <b>layak</b> dengan syarat telah dilantik sebelum 17 April 2023 dan masih berkhidmat pada 17 April 2023.
8.	Adakah pegawai lantikan MySTEP yang dilantik bermula pada 1 Januari 2023 dan tamat kontrak pada 1 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>tidak layak</b> kerana tidak lagi berada dalam perkhidmatan pada 17 April 2023.

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pekerja Sambilan Harian (PSH)</b>		
9.	Adakah PSH yang dilantik di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri layak menerima BKKA Tahun 2023?	Tertakluk kepada penerimaan pakai oleh pihak berkuasa masing-masing seperti yang ditetapkan oleh perenggan 4 Surat Edaran KPPA no. rujukan JPA.800-3/2/4 (24) bertarikh 23 Mac 2023.
<b>Pelantikan Dalam Perkhidmatan</b>		
10.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik ke skim perkhidmatan lain dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>layak</b> walaupun melibatkan dua (2) skim perkhidmatan yang berbeza dan akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai itu berkhidmat.
<b>Hukuman Tatatertib</b>		
11.	Adakah pegawai yang dijatuhkan hukuman amaran pada 10 April 2023 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib Kementerian/Jabatan layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>layak</b> kerana hukuman amaran tidak termasuk hukuman yang tidak melayakkan.
12.	Adakah pegawai yang telah dijatuhkan hukuman tatatertib pada November 2022 dan pelaksanaan hukumannya berlanjutan melangkaui tempoh 1 Januari 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai tersebut <b>layak</b> kerana hukuman dikenakan bukan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023.
<b>Meninggal Dunia Dalam Perkhidmatan</b>		
13.	Adakah pegawai yang meninggal dunia pada 17 April 2023 layak menerima BKKA Tahun 2023 sebanyak RM700?	Pegawai <b>layak</b> dengan bayaran sebanyak RM700 dan akan dibayar oleh jabatan terakhir pegawai berkhidmat.
14.	Adakah pegawai yang meninggal dunia sebelum 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>layak</b> dan akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan sebanyak RM350.
<b>Peng korporatan/Penswastan dan Pengasingan</b>		
15.	Adakah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya atau badan antarabangsa atau syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023 layak menerima BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>layak</b> dan akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai (agensi peminjam).

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Meletak Jawatan/Berhenti/Ditamatkan Perkhidmatan</b>		
16.	Adakah pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang meletak jawatan/berhenti/ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	Pegawai <b>tidak layak</b> kerana pegawai tidak lagi berada dalam perkhidmatan.

## B. PESARA KERAJAAN

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pesara</b>		
17.	Siapakah pesara Kerajaan/penerima pencen yang layak dibayar BKKA Tahun 2023?	<p>Pesara Kerajaan yang menerima pencen di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 yang bersara pada atau sebelum 17 April 2023 bagi semua gred di dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkhidmatan Awam Persekutuan (termasuk Polis Diraja Malaysia) dan Negeri;</li> <li>ii) Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan;</li> <li>iii) Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia; dan</li> <li>iv) Pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada perkhidmatan awam apabila mencapai opsyen umur persaraan paksa (55/ 56/ 58/ 60 tahun) atau bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK).</li> </ul> <p>Penerima pencen yang layak menerima BKKA Tahun 2023 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Penerima pencen terbitan</li> <li>ii) Penerima pencen orang tanggungan;</li> <li>iii) Penerima elaun tanggungan;</li> <li>iv) Penerima elaun bersara; dan</li> <li>v) Penerima elaun bersara terbitan.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pesara</b>		
18.	Berapakah jumlah bayaran BKKA Tahun 2023 yang diterima oleh pesara Kerajaan yang menerima pencen/pencen terbitan/pesara Skim KWSP/veteran berpencen/veteran tidak berpencen?	Jumlah bayaran yang diterima oleh pesara Kerajaan yang menerima pencen/pencen terbitan/pesara Skim KWSP/veteran berpencen/veteran tidak berpencen adalah sebanyak <b>RM350</b> .
19.	Adakah penerima pencen terbitan yang lebih seorang turut layak dibayar BKKA Tahun 2023?	<b>Layak</b> dan akan dibayar berdasarkan pembahagian sama rata mengikut akaun penerima pencen.
20.	Adakah pegawai yang bersara selepas 17 April 2023 layak menerima BKKA Tahun 2023 dengan kadar Penjawat Awam sebanyak RM700.00?	Pegawai <b>layak</b> kerana pegawai masih berkhidmat pada 17 April 2023.
21.	Adakah pesara/penerima pencen yang tidak bermastautin di Malaysia layak menerima BKKA Tahun 2023?	<b>Layak.</b>
22.	Siapakah pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak menerima BKKA Tahun 2023?	Pesara/penerima pencen terbitan yang tidak layak adalah:  i) Perkhidmatan sebagai Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran;  ii) Perkhidmatan sebagai Setiausaha Politik;  iii) Perkhidmatan sebagai Hakim;  iv) Penerima pencen Skim Pencen Balu dan Anak Yatim (Semenanjung, Sabah dan Sarawak);  v) Penerima bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah 1PP:WP6.3 - Pengurusan Wang Awam;  vi) Penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen/Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 kerana kematian pegawai dalam perkhidmatan selepas 17 April 2023;

BIL.	SOALAN	KELAYAKAN
<b>Pesara</b>		
		vii) Pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS); dan  viii) Pesara yang bersara pilihan dan masih belum layak menerima pencen bulanan.
23.	Adakah pesara yang bersara atas dasar penswastaan atau pengkorporatan layak dibayar BKKA Tahun 2023?	<b>Layak</b> sekiranya mereka adalah penerima pencen.
<b>Pesara dan penerima pencen terbitan yang meninggal dunia dalam persaraan</b>		
24.	Adakah pesara yang meninggal dunia sebelum atau pada 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	<b>Layak</b> dan akan dibayar kepada Penerima Pencen Terbitan sebanyak RM350.
25.	Adakah penerima pencen terbitan yang meninggal dunia pada 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	<b>Layak.</b>
26.	Adakah penerima pencen terbitan yang meninggal dunia sebelum 17 April 2023 layak diberi BKKA Tahun 2023?	<b>Tidak Layak.</b>
<b>Veteran/Pesara yang dilantik semula ke dalam perkhidmatan awam</b>		
27.	Adakah veteran/pesara yang dilantik semula secara Tetap, Sementara atau COS dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 layak dibayar BKKA Tahun 2023?	Pesara yang dilantik semula secara Tetap, Sementara atau COS dan masih berkhidmat pada 17 April 2023 <b>layak</b> dibayar BKKA Tahun 2023 sebanyak RM700.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM350.00 akan dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)/Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) dan bakinya RM350.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.
28.	Sekiranya pesara mempunyai rekod di JPA dan JHEV, jabatan manakah yang akan membuat bayaran BKKA Tahun 2023 kepada pesara tersebut?	BKKA Tahun 2023 akan dibayar oleh JPA sebanyak RM350.00.